

18 OCT 2002

MAHATHIR-DAGANGAN/I

M'SIA KAJI IMPORT SUSU DARI PAKISTAN UNTUK KURANGKAN JURANG DAGANGAN

Oleh: Azman Ujang

ISLAMABAD, 18 Okt (Bernama) -- Malaysia sedang menimbangkan untuk membeli susu dan keluaran-keluaran tenusu lain dari Pakistan sebagai cara untuk mengurangkan ketidak stabilan dagangan yang kini menguntungkannya (Malaysia) dengan besar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini.

Tetapi terserahlah kepada pengguna-pengguna Malaysia untuk memutuskan sekiranya mereka ingin bertukar kepada susu Pakistan dan keluaran-keluaran seumpamanya yang Malaysia kini mendapatkan sumber yang besar dari New Zealand dan Australia, beliau memberitahu ahli-ahli perniagaan terkemuka Pakistan pada satu dialog di Serena Hotel di sini di mana perdana menteri menginap semasa lawatan dua hari bermula hari ini.

Dr Mahathir berkata sungguhpun Malaysia mempunyai penduduk sebanyak 24 juta orang, penggunaan keluaran-keluaran makanannya adalah lebih daripada banyak negara dengan penduduk yang lebih besar dan negara itu mengimport barangan daripada hampir seluruh dunia.

"Anda terpaksa bersaing di dalam pasaran kami untuk melihat sekiranya pengguna-pengguna kami sukakan rasa keluaran-keluaran susu anda kerana kami tidak boleh memaksa mereka membeli sesuatu yang mereka tidak suka kerana pasaran kami adalah satu yang amat bebas," katanya.

Semasa dialog itu, beberapa peniaga Pakistan menekankan kepada perdana menteri mengenai pelbagai rangkaian keluaran-keluaran yang Malaysia boleh mengimport untuk mengatasi ketidakimbangan perdagangan yang kini menguntungkan Malaysia dengan nisbah 9:1.

Seorang peniaga berkata Pakistan mengeluarkan 26 bilion liter susu setiap tahun daripada lapan juta lembu dan 40 juta kerbau dan susunya adalah yang kedua paling murah di dunia selepas New Zealand.

Perdana Menteri meminta peniaga-peniaga Pakistan menghantar lebih banyak rombongan perdagangan ke Malaysia untuk memperkenalkan keluaran-keluaran mereka kepada pengguna-pengguna Malaysia.

Beliau juga berkata Pakistan boleh mengkaji menanam kelapa sawit bagi mengurangkan import minyak sawitnya yang kini adalah barangan import terbesar dari Malaysia.

"Kami mengambil biji getah dari Brazil dan benih kelapa sawit dari Afrika Barat tetapi kami kini mengeluarkan benih lebih baik daripada mereka dan itulah kenapa kami dialu-alukan di negara-negara itu dan kami adalah pengeksport terbesar minyak sawit di dunia," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kunci kepada kejayaan Malaysia sebagai negara perdagangan adalah dasarnya yang konsisten dan kestabilan politik yang membolehkan negara mempunyai perdagangan sebagai komponen besar daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) daripada malahan Jepun dan Amerika Syarikat.

Katanya kira-kira 82 peratus daripada eksport Malaysia adalah barangan kilang dan dengan hanya 18 peratus merupakan komoditi-komoditi utama.

Dr Mahathir kemudian merasmikan loji kuasa Liberty berharga RM1.8 bilion, sebuah pengeluaran kuasa bebas milik sepenuhnya oleh Tenaga Nasional Bhd Malaysia. -- BERNAMA

AU MR OS